

# KELUARGA BAHAGIA

## APA ITU KELUARGA BAHAGIA?

Apabila kita membicarakan soal keluarga bahagia, setiap orang mempunyai hasrat dan keinginan untuk memperolehinya. Ini kerana, kebahagiaan melambangkan keindahan, ketenangan dan keseronokan. Sesiapa yang merasa bahagia, maka hidupnya penuh bermakna sepanjang hayatnya, bahkan di akhirat juga dia bakal menerima ganjaran dan balasan yang baik. Tetapi, pernahkah kita terfikir dan berfikir, apakah erti kebahagiaan yang hakiki? Oleh itu, marilah sama-sama kita renungi dan muhasabah diri apakah makna sebenar keluarga bahagia yang menjanjikan seribu macam kebaikan dalam hidup kita.

### PENILAIAN PERTAMA

Adakah kebahagiaan itu diukur dengan kekayaan lahiriah seperti memiliki kereta mewah, rumah yang besar dan wang yang mencurah-curah sedangkan hatinya kosong dari mengingati Allah dan dirinya ingkar segala suruhan dan laranganNya. Jika hanya keinginan material yang kita harapkan, memang Allah akan kabulkan kehendak itu tetapi kita tidak akan memperoleh kebahagiaan yang datangnya dari Allah. Bagaimana kita ingin memperoleh kebahagiaan sedangkan kita sendiri tidak dapat menghadiahkan ingatan dan ketaatan kepada Allah Yang Maha Berkuasa, Penguasa Semesta Alam. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah hati akan menjadi tenang.

## PENILAIAN KEDUA

Atau kebahagiaan itu dinilai dengan kekayaan batiniah, iaitu hati yang sarat ingatan terhadap Allah serta taat dan patuh pada segala suruhan dan laranganNya. Apabila tanggungjawab besar dapat disempurnakan dengan baik, sudah pasti seseorang itu menyedari dan berjaya memikul tanggungjawab yang lain dengan mudah bersandarkan ilmu pengetahuan. Perlu disedari bahawa segala kekuasaan datangnya dari Allah dan hanya Allah yang berhak untuk memberi ketenangan, kebahagiaan dan kesejahteraan kepada kita. Tanggungjawab yang sempurna dan kasih sayang yang dicurahkan akan menjadikan kehidupan berkeluarga lebih indah dan bermakna.

Sama ada kaya atau miskin material, tetapi ingatan dan kepatuhan hanya kepada Allah, orang itulah yang telah dijanjikan kebahagiaan, bukan saja di dunia, bahkan di akhirat jua.

Daripada Abu Hurairah r.a. katanya Rasulullah s.a.w. bersabda: "Bukanlah kekayaan itu dengan banyaknya harta benda tetapi kekayaan sebenar ialah kaya hati"

[Riwayat Al- Bukhari & Muslim]

## MASALAH PERLAKSANAAN KELUARGA BAHAGIA

### TIDAK MENGANGGAP AGAMA ISLAM SEBAGAI PANDUAN HIDUP

Siapakah kita? Apakah kekuatan yang kita miliki? Adakah kekuasaan yang kita punyai? Telah dibuktikan bahawa tidak ada mana-mana makhluk yang mampu melawan kekuasaan Allah hatta membuat satu surah pun tidak dapat menandingi ayat-ayat Allah. Justeru, sebagai insan yang lemah dan kerdil, janganlah kita lupa untuk mengabdikan diri kita kepada Allah, agar kita dapat meyakini matlamat hidup yang sebenar. Matlamat yang tepat dan jelas membolehkan kita berada pada jalan yang benar yang menjadi asas kebahagiaan seseorang insan. Allah s.w.t. telah berfirman di dalam Surah Al-Baqarah ayat 152 yang bermaksud: “Kerana itu, ingatlah kamu kepada Aku {Allah} [dengan mematuhi hokum dan undang-undangKu] nescaya Aku ingat pula kepadamu [supaya Aku limpah dan membalasnya dengan rahmat, ampunan dan kebaikan], dan bersyukurlah kamu kepada Aku dan janganlah kamu kufur [dengan nikmat Aku].” Kegagalan kita menjadikan Islam sebagai panduan hidup atau mempersendakan agama Allah ini dengan mengambil sebahagian yang kita sukai dan meninggalkan sebahagian lain yang tidak disukai adalah punca yang membawa kepada masalah pelaksanaan keluarga bahagia. Jika kita kasihkan Allah, Allah lebih kasihkan kita dan kasih itu dibuktikan dengan kebahagiaan.

## TIDAK MEMPERSIAPKAN DIRI DENGAN ILMU DAN AMALAN BERUMAHTANGGA

Ramai di kalangan kita menganggap dan mengambil ringan tentang hal-hal yang berkaitan dengan rumahtangga. Sebagai seorang suami, isteri atau ibu bapa, sejauh mana ilmu dan pengetahuan yang kita dalam dalam soal peranan, tanggungjawab, larangan, batasan, keperluan, adab, perilaku dan pelbagai perkara lain. Cuba kita fikir dan renungkan, setiap ahli profesional mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu disebabkan mereka telah melalui kursus khusus berkenaan bidang tersebut. Maka, akan lahirlah seorang guru yang mahir, doktor yang memahami selok belok pelbagai penyakit dan pegawai yang cekap menjalankan urusan pentadbiran. Jadilah mereka orang yang disegani di mata masyarakat dan di kalangan orang-orang yang bekerja di sekelilingnya. Tetapi, amat malangnya nasib mereka kerana rumahtangga yang menjadi lambang kesempurnaan hidup seseorang insan akhirnya dianggap sebagai neraka atau sesuatu yang menyakitkan. Inilah hasilnya yang akan diperolehi apabila sesuatu urusan atau pekerjaan dilakukan tanpa ilmu dan amalan yang akhirnya akan membawa kecelakaan kepada dirinya sendiri seperti mengambil dadah, melakukan jenayah atau membunuh diri kerana kecewa dan putus asa dengan kehidupan yang tidak membawa kebahagiaan dan ketenangan. Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud: "Barangsiapa yang berkehendakkan dunia hendaklah ia mempunyai ilmu, barangsiapa yang berkehendakkan akhirat hendaklah ia mempunyai ilmu, barangsiapa yang berkehendakkan kedua-duanya sekali hendaklah ia mempunyai ilmu"

## MENCARI MAKNA DAN MATLAMAT PERKAHWINAN

Setiap pekerjaan yang dilakukan tanpa mengenal makna dan matlamat yang tepat boleh menyebabkan kerja itu menjadi tidak sempurna atau menemui kegagalan. Perkahwinan yang berlaku tanpa mengetahui makna dan apa matlamatnya, tidak menjanjikan kebahagiaan dan ketenangan . bagaimana mungkin kita dapat melayari bahtera menuju ke destinasiya dengan selamat dan terarah apabila kita sendiri tidak pasti untuk apa pelayaran dilakukan dan kemana arah yang ingin ditujui.

### MATLAMAT

#### MENDAULATKAN KEAGUNGAN AGAMA ALLAH

Sabda Rasullulah s.a.w yang bermaksud : seseorang yang telah menikah itu , sungguh telah menyempurnakan sebagian dari agamanya , maka takutlah kepada Allah mengenai sebahagian yang lain.

#### MENDAPATKAN KEBAHAGIAAN HIDUP

Firman Allah yang bermaksud : Dan diantara tanda-tanda kekuasaanNya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikanNya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.

#### MEMELIHARA KETURUNAN DAN MENGEMBANGKAN UMAT

Sabda Rasullulah s.a.w yang bermaksud : Kahwinlah kamu dan berkembang biaklah/beranak pinaklah, sesungguhnya Aku berbangga dengan umatKu yang ramai di hari Akhirat kelak.

## KENAPA ILMU KEKELUARGAAN PENTING?

Ramai di kalangan kita menganggap pengurusan rumah tangga boleh dilakukan tanpa persiapan ilmu yang berkaitan dengannya. Ada juga yang menganggap ilmu itu akan diperolehi dengan sendirinya selepas berumah tangga. Tetapi, kita sebenarnya silap membuat percaturan. Cuba bandingkan apakah bezanya profesionalisme sebagai guru , doktor , jurutera dan sebagainya dengan suami , isteri dan ibu bapa. Menjadi suami , isteri dan ibu bapamemerlukan suatu kemahiran yang besar kerana setiap pergerakannya menuntut kita agar berhati-hati dan teliti. Ini kerana , walaupun sedikit kesilapan yang dilakukan , ia boleh mengundang kecelakaan yang besar.

## BEBERAPA GARIS PANDUAN DAN MENGENALPASTI ILMU KEKELUARGAAN

Setiap suami , isteri , dan ibubapa perlu tahu tentang beberapa perkara seperti berikut :

### HAK DAN TANGGUNGJAWAB

Sejauh manakah kita mengetahui sepenuhnya hak dan tanggungjawab masing-masing.

### LARANGAN DAN BATASAN

Apakah larangan dan batasan seorang suami , isteri dan ibubapa kita patuhi.

### HUKUM DALAM PERKAHWINAN

Apakah kita mengetahui dengan jelas makna , hukum dan tujuan perkahwinan serta hal-hal yang berkaitan hukum dalam perkahwinan.

### PERANAN

Sejauh manakah peranan yang telah dimainkan.

### CIRI DAN SIFAT

Adakah kita memiliki sifat dan ciri seperti yang digariskan oleh Islam.

### KERJASAMA

Adakah kita mengetahui kerjasama yang boleh dijalinkan dan hak-hak yang diperolehi melalui saling memberi dan menerima.

Oleh itu, bila suatu perselisihan berlaku, jangan cepat mencari kesalahan orang lain, sebaliknya tanya diri kita dahulu, sejauh manakah kita memiliki pengetahuan yang luas tentang perkara-perkara di atas. Sekiranya kita belum mengetahui atau tidak sepenuhnya, maka kita sebenarnya telah menyebabkan kerugian bagi diri kita dan kitalah yang menjadi punca kegagalan dalam mencari sinar kebahagiaan.